

**UNTUK SIARAN SEGERA**



**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**KPM LAKSANAKAN TAMBAH BAIK BAGI MENINGKATKAN  
PRESTASI PROJEK PEMBANGUNAN PENDIDIKAN**

Kementerian Pendidikan (KPM) mengambil perhatian Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai projek pembangunan pendidikan yang tertangguh di seluruh negara.

Menurut LKAN, sehingga 31 Disember 2024, sebanyak 46 projek pembangunan bawah KPM berstatus lewat (sakit). Jumlah ini mewakili 2.3 peratus daripada keseluruhan 2,040 projek di bawah *Rolling Plan 4* (RP4) Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

Antara langkah yang dilaksanakan KPM bagi menangani isu ini adalah dengan melakukan pemantauan rapi di tapak dan melalui mekanisme penyelarasan pelaksanaan pembangunan negara. Sesi libat urus turut diadakan dengan semua pemegang taruh secara berkala termasuk kerajaan negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan penyedia utiliti.

Terkini, 17 daripada 46 projek berstatus lewat yang dilaporkan LKAN telah berjaya disiapkan. Manakala 19 projek berada dalam pelbagai status pelaksanaan iaitu tiga (3) projek Dahulu Jadual (DJ), lapan (8) projek Ikut Jadual (IJ), tiga (3) projek Lewat Jadual (LJ) dan lima (5) projek tender semula. Baki 10 projek masih kekal berstatus lewat (sakit).

KPM sentiasa berusaha memastikan pelaksanaan projek pembangunan dilaksanakan dengan baik mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan demi manfaat seluruh masyarakat.

**TAMAT**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
6 OKTOBER 2025**